

Subsidi minyak secara bersasar

# ‘Bukan untuk hukum golongan miskin’

Langkah dibuat bagi kurangkan tanggungan subsidi negara

Oleh Adha Ghazali dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan langkah kerajaan melaksanakan pemberian subsidi minyak secara bersasar bukan bertujuan untuk menghukum golongan miskin.

Perdana Menteri berkata, langkah berkenaan sebaliknya bagi mengurangkan tanggungan subsidi negara yang akan dimulakan dengan diesel, sebelum diikuti produk bahan api lain.

Anwar yang juga Menteri Kewangan bagaimanapun tidak mendedahkan garis masa khusus mengenai pelaksanaan itu namun menegaskan ia hanya akan dilakukan apabila kerajaan ‘su-

dah benar-benar bersedia’.

“Rasionalisasi subsidi elektrik kepada golongan kaya dan industri sudah kita laksanakan, namun ia tidak membabitkan 85 peratus populasi dan kerajaan pastikan ia telus, adil dan tidak menghukum golongan miskin.

“Berapa banyak kita jimat, RM4 bilion dan untuk subsidi ayam kita jimat RM1 bilion. Berilah kami masa (untuk laksana), jangan paksa kami buat semua dalam masa setahun.

“Kita akan lakukannya (rasionalisasi subsidi bahan api) apabila kita sudah bersedia sepenuhnya,” katanya sesi temu bual slot *In Conversation With Prime Minister of Malaysia* sempena Forum Ekonomi Doha 2024, di Doha, Qatar, kelmarin.

Wawancara itu dikendalikan Ketua Koresponden Antarabangsa Asia Tenggara Bloomberg Television, Haslinda Amin sebagai moderator.

## Kurangkan ketirisan, rasuah

Anwar yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, kerajaan perlu melihat kepada keutamaan se-

belum rasionalisasi subsidi dilaksanakan, dengan tumpuan terlebih dahulu diberikan kepada usaha mengurangkan ketirisan dan amalan rasuah.

“Kita perlu lihat keutamaan, yang mana kita perlu kurangkan ketirisan...kita boleh jimat berbilion dan kita sudah lakukannya dalam setahun pertama (pentadbiran Kerajaan MADANI).

“Sekarang kita beralih kepada bekalan elektrik dan subsidi ayam, dan kini kita pertimbang pula untuk diesel kerana banyak yang kita rugi akibat ketirisan.

“Bagaimana kita nak lakukannya dan melaksanakan pembaharuan ini dengan memotong subsidi tanpa menghukum golongan miskin, bagi saya itu teras utama.

“Saya tak mahu disebabkan kita mewarisi hutang dan rasuah yang banyak, kita hukum pula golongan miskin,” katanya.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli sebelum ini berkata, kerajaan dijangka melaksanakan program subsidi bersasar RON95 tahun ini, sebagai langkah mengoptimumkan sumbernya kepada golongan yang paling memerlukan.